

OSH Management System

- Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control (HIRARC)
- Keselamatan AM
- JKKP Kecil
- Audit KKPAS
- Kewangan
- KKP
- Komunikasi KKP
- NADOPOD
- Latihan
- Safety Compliance
- Standard Operating Procedure (SOP)
- JKKP Kecil/Pusat

Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control (HIRARC)

1. Apakah format terkini penulisan HIRARC, semakan semula HIRARC fakulti dijangka akan dilakukan dan adakah fakulti perlu merujuk kepada format penulisan HIRARC terbaru?

- PTj masih boleh menggunakan format HIRARC yang sedia ada dan boleh diakses melalui UMPortal di bawah PTj OSHEC. PTj juga boleh merujuk kepada Garis Panduan bagi Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC) oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) tahun 2008 untuk panduan penulisan HIRARC. Format baru Garis Panduan bagi penulisan HIRARC masih dalam proses kemaskini oleh pihak JKKP. OSHEC akan memaklumkan dari masa ke semasa sebarang perubahan terkini. OSHEC juga merancang untuk menjalankan sesi *Roadshow* bagi hebahan Garis Panduan HIRARC yang terbaru.

Keselamatan AM

2. Isu gangguan haiwan liar seperti monyet yang merosakkan banyak wayar elektrik di fakulti semakin berleluasa dan pemasangan perangkap dilihat tidak lagi berkesan buat masa sekarang. Apakah penyelesaian yang terbaik?

- Jabatan Harta Benda telah melaksanakan program intervensi secara berterusan. Tindakan proaktif secara dalaman turut dijalankan melalui pemasangan perangkap di kawasan hotspot haiwan liar yang berkeliaran di kawasan sekitar UM. Aduan berkenaan haiwan liar boleh disalurkan kepada UM Animal Guardians melalui email umguardians@um.edu.my

JKKP Kecil

3. Bagaimanakah pengurusan untuk JKKP Kecil kolej kediaman?

- Berdasarkan Akta KKP 1994 (Pindaan) 2022 dan amalan semasa UM, JKKP Kecil (PTj) diwajibkan untuk peringkat PTj iaitu Portfolio TNC (HEP). Oleh sebab perubahan pengurusan pada 1 April 2024 yang mana pengetua dan felo di kolej kediaman dikembalikan semula maka terdapat keperluan dalam melihat cara perlaksanaan pengurusan KKP yang berkesan. Oleh itu, JKKPK kolej kediaman secara aktanya adalah tidak diwajibkan kerana tertakluk kepada keperluan di bawah JKKP Portfolio HEP sahaja. Walau bagaimana pun, pengurusan kolej kediaman boleh meneruskan pentadbiran KKP sama seperti JKKP PTj seperti mesyuarat berkala, pemeriksaan tempat kerja dan program kesedaran KKP. Pengurusan berkaitan KKPAS di Kolej Kediaman adalah di bawah Portfolio TNC (HEP). Pengurusan Kolej Kediaman juga boleh menjadikan agenda KKPAS sebagai agenda tetap dalam Mesyuarat Pengurusan Kolej dan mana-mana isu yang tidak dapat diselesaikan di peringkat kolej boleh diajukan kepada JKKPK TNC (HEP) untuk dibawah ke JKKP Pusat seterusnya ke JKKP Induk UM.

4.Bolehkah Dekan menurun kuasa kepada Timbalan Dekan Pembangunan (TDP)/wakil lain untuk menguruskan JKKP kecil/peringkat PTj?

- Berdasarkan surat pelantikan pengerusi Jawatankuasa Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan & Alam Sekitar peringkat kecil (JKKPK) yang diedarkan kepada ketua PTj, jelas menyatakan bahawa hanya Ketua PTj/Dekan/Pengarah sahaja yang boleh menguruskan JKKPK. Walau bagaimanapun, atas keperluan perkhidmatan yang tidak dapat dielakkan, ahli pengurusan tertinggi PTj (seperti Timbalan Dekan Pembangunan) boleh menguruskan mesyuarat JKKPK semasa sesi itu sahaja. Ketua PTj/Dekan/Pengarah masih bertanggungjawab dalam mengetuai hal-hal berkaitan pengurusan KKPAS.

5. Dari segi pengurusan JKPP, Apakah prosedur dan keperluan seperti mesyuarat JKPP, aktiviti yang boleh dilakukan?

- PTj boleh merujuk kepada MANUAL KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR (MKKPAS) UNIVERSITI MALAYA di dalam portal UM, yang menerangkan tentang pengurusan KKP, tanggung jawab dan keperluan wajib yang dikehendaki untuk dijalankan di peringkat PTj. Selain itu, prosedur MKKPAS lain yang berkaitan turut boleh dirujuk melalui UMPortal untuk dipatuhi dan diamalkan di PTj.

6. Apa tindakan yang boleh diambil terhadap ahli JKPP yang tidak hadir mesyuarat lebih 2 kali termasuk wakil daripada pihak OSH sendiri?

- Surat peringatan daripada Pengerusi JKK boleh diberikan kepada ahli JKK berkaitan. Setiap sesi mesyuarat JKPP memerlukan kehadiran melebihi 50% tidak termasuk pengerusi dan setiausaha. Oleh itu, kehadiran ahli amat penting dan sah mengikut undang-undang. Wakil Zone Safety Officer (ZSO) daripada OSHEC, adalah tidak diwajibkan kerana ZSO bukanlah ahli mesyuarat dan hanya berperanan untuk membantu pelaksanaan mesyuarat sebelum ini. Sekiranya PTj memerlukan pandangan daripada pegawai OSHEC, PTj boleh mengemukakan permohonan untuk kehadiran sebelum mesyuarat berlangsung.

7. Apakah keperluan perlantikan ahli JKKP Kecil di PTj melibatkan PTj X seperti penglibatan wakil daripada Jabatan Y dan Z?

- Bagi setiap jawatankuasa KKP PTj, pengerusi JKKP mestilah dalam kalangan ketua PTj dan wakil pengurusan/majikan perlu dari kalangan pegawai/pensyarah manakala wakil pekerja adalah dalam kalangan staf pelaksana. Pemilihan wakil majikan dan wakil pekerja ini perlulah menggunakan konsep "*well-represented*" yang mewakili jabatan, tugas, dan kepelbagaian tanggungjawab. Contohnya, sesuatu PTj mempunyai 5 buah jabatan serta mempunyai kakitangan dalam kalangan Skim C, J dan N maka wakil perlulah terdiri daripada 5 buah jabatan dan wakil Skim terbabit. Perkara ini penting bagi menggalakkan konsep perundingan dan pelaksanaan "*self-regulate*" dijalankan.

8. Apakah isu/perkara yang boleh dijadikan sebagai agenda dalam mesyuarat JKKP kecil PTj?

1. Pelaporan kemalangan/Insiden
2. Tindakan pembetulan pemeriksaan tempat kerja
3. Laporan pematuhan KKP PTj
4. Program Latihan KKP
5. Program Kesedaran KKP
6. Isu dan perkara berbangkit berkaitan dengan KKP

9. Jemputan OSHEC untuk turut serta dalam Mesyuarat JKK Kecil PTj adakah perlu melalui Pengarah terlebih dahulu?

- PTj yang memerlukan penglibatan pegawai OSHEC untuk mesyuarat JKKP PTj perlu mengemukakan permohonan menerusi emel atau surat kepada pengarah OSHEC dengan menyatakan perkara yang memerlukan penerangan berkaitan. PTj juga boleh berbincang terlebih dahulu dengan ZSO atau pegawai portfolio berkaitan bagi mendapatkan maklum balas segera. OSHEC akan sentiasa membantu PTj dalam memastikan kelancaran pelaksanaan pengurusan KKP.

10. Apakah keperluan wakil kolej dalam penglibatan hal berkaitan KKPAS dan apakah peranan atau fungsi JTK dalam hal berkaitan KKPAS?

- Wakil Kolej untuk mesyuarat JKKP portfolio TNC (HEP) diperlukan untuk memberi dan melaporkan isu dan aktiviti KKP kepada mesyuarat tersebut. Oleh itu, wakil kolej adalah berfungsi sebagai wakil untuk membincangkan dan menyelesaikan isu KKP di kolej selaras dengan konsep konsultasi antara majikan dan pekerja. JTK yang terdiri dalam kalangan pelajar boleh berperanan sebagai wakil orang yang berkepentingan tetapi bukan sebagai wakil majikan atau wakil pekerja menurut akta. JTK juga boleh menjadi "*whistle-blower*", memberi pandangan dan mencadangkan penambahbaikan dari aspek KKPAS untuk kolej masing-masing.

11. Apakah yang perlu disemak bagi staf yang membuat pemeriksaan di tempat kerja?

- Pemeriksaan tempat kerja boleh dijalankan berdasarkan senarai semak tempat kerja yang boleh diperolehi dan dirujuk di dalam UM Portal. Senarai semak boleh dijadikan panduan bagi PTj untuk memastikan pemeriksaan yang dijalankan lebih menyeluruh. PTj juga boleh membangunkan senarai semak yang lebih spesifik bergantung kepada keperluan semasa PTj masing-masing supaya kualiti pemeriksaan dapat dipertingkatkan. PTj juga boleh merujuk kepada senarai semak OSHWA yang dikeluarkan oleh pihak JKKP sebagai panduan utama dalam pelaksanaan pemeriksaan tempat kerja. Panduan lain berkaitan keperluan semasa KKPAS juga boleh dirujuk kepada pegawai OSHEC.

Audit KKPAS

12. Apakah saranan daripada pihak OSHEC bagi rancangan tindakan pembetulan dapatan audit yang melibatkan kos yang besar?

- Tindakan pembetulan bagi kos yang besar boleh dilakukan seperti berikut :
 1. Menyediakan kertas kerja khusus dan memohon peruntukan kewangan kepada JK Pengurusan Universiti
 2. Memohon peruntukan melalui projek Rancangan Malaysia (RMK) yang terkini.
 3. Mengadakan perbincangan dan pembentangan secara khusus dengan pengurusan PTj atau TNCP.
 4. Memasukkan budget khas dalam perancangan belanjawan tahunan.
 5. Memohon peruntukan daripada Tabung PTj sediaada.

Kewangan

13. Adakah peruntukan kewangan untuk program KKPAS PTj daripada OSHEC?

- Pada masa ini, peruntukan OSHEC yang dikongsi bersama dengan PTj ialah proses penaksiran CHRA dan CEM, serta latihan yang melibatkan PTj dalam UM. Oleh itu peruntukan yang ada untuk pelaksanaan KKPAS adalah secara *generic* untuk program KKPAS UM. Bagi PTj, peruntukan kewangan masih perlu dimohon untuk program-program KKPAS melalui peruntukan PTj masing-masing . Peruntukan belanjawan PTj, meliputi aspek pematuhan akta KKPAS, pembelian Personal Protective Equipment (PPE) dan latihan KKPAS.

Pematuhan KKPAS

14. Se jauh manakah OSHEC berkuasa untuk membantu dalam menangani isu-isu berkaitan KKPAS?

- OSHEC mempunyai kuasa untuk memberikan Stop Work Order (SWO) di lokasi yang berbahaya. Laporan pemeriksaan dan audit KKPAS oleh OSHEC boleh digunakan oleh PTj untuk memohon peruntukan bagi menambahbaik dapatan yang diperolehi. Isu-isu KKPAS yang berisiko tinggi boleh di ketengahkan kepada OSHEC untuk dibincang pada peringkat yang lebih tinggi seperti, JKPP induk.

Komunikasi KKPAS

15. Adakah HBP ini terbuka kepada ahli mesyuarat JKK sahaja?

- HBP terbuka kepada semua pihak yang berkepentingan dan berkaitan dengan pengurusan KKPAS yang terdiri dalam kalangan pekerja, pelajar, kontraktor dan pelawat. HBP berperanan dan memberi peluang kepada semua pihak berkepentingan untuk mengemukakan masalah, cadangan, isu dan cabaran berkaitan KKPAS kepada OSHEC secara terus. OSHEC akan membantu *as far as practicable* dalam memberikan jalan penyelesaian dan mengesyorkan prosedur yang betul selari dengan pematuhan dan keperluan Akta KKPAS.

Notification of Accident, Dangerous Occurrence, Poisoning and Occupational Disease (NADOPOD)

16.PTj ingin tahu secara lebih mendalam berkenaan prosedur yang perlu dijalankan dalam siasatan kemalangan - Kepada siapa perlu dilaporkan dan apakah tindakan awal yang boleh dilakukan?

- Individu boleh merujuk kepada PROSEDUR PEMBERITAHUAN KEMALANGAN, KEMALANGAN NYARIS, KEJADIAN BERBAHAYA, KERACUNAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN SERTA PENYIASATAN yang boleh diperoleh daripada UM portal. Sekiranya berlaku kemalangan atau kecemasan, individu boleh melaporkan terus kepada penyelia, koordinator atau kakitangan berkaitan untuk pemakluman awal ke Penyelia boleh mengambil tindakan dengan melaporkan kepada JKKP PTj untuk tindakan seterusnya, JKKP PTj akan melakukan siasatan dalaman bagi mengenalpasti punca, kesan dan tindakan pembetulan. JKKP PTj perlu melaporkan dengan kadar segera kepada pihak OSHEC bergantung keperluan tempoh berdasarkan keterukan kes seperti dalam prosedur pelaporan kemalangan yang dinyatakan di atas. Pelaporan dalam tempoh masa yang ditetapkan kepada OSHEC sangat penting atas keperluan pelaporan kepada pihak JKKP melalui sistem MyKKP sekiranya berlaku kes-kes yang menepati kriteria pelaporan NADOPOD.

17. Apakah prosedur siasatan kemalangan?

- Bagi Prosedur Siasatan Kemalangan atau Insiden Berbahaya yang berlaku di UM, PTj boleh merujuk kepada Prosedur Pemberitahuan Kemalangan, Kemalangan Nyaris, Kejadian Berbahaya, Keracunan dan Penyakit Pekerjaan Serta Penyiasatan di Universiti Malaya (OSHE UM | SOP | UM-OSHE-INS-002) yang telah dikeluarkan oleh pihak OSHEC. Prosedur ini menerangkan tentang tanggungjawab setiap staf, pelajar, kontraktor dan pelawat untuk memaklumkan sebarang Kemalangan, Kemalangan Nyaris, Kejadian Berbahaya, Keracunan dan Penyakit Pekerjaan yang berlaku di UM kepada Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) berkenaan dan untuk memastikan Ketua PTj menjalankan penyiasatan kemalangan mengikut prosedur yang ditetapkan bagi mengenal pasti punca dan masalah utama agar dapat dikawal atau diatasi bagi mengelakkan kejadian kemalangan berulang.

Latihan KKPAS

18. Mengapakah Latihan OSHEC tidak mengkhususkan kepada bidang yang spesifik?

- Oleh sebab OSHEC merupakan salah satu Jabatan peringkat pusat, maka latihan yang dianjurkan oleh OSHEC perlu melibatkan seramai mungkin kakitangan daripada pelbagai PTj untuk mengoptimumkan peruntukan yang ada. Oleh itu, latihan anjuran OSHEC adalah bersifat generik dan tidak khusus seperti latihan pengurusan keselamatan kimia, pematuhan akta KKP (Pindaan) 2022 dan Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK). Pegawai OSHEC mempunyai kepakaran yang khusus seperti Ergonomic Train Person, OSH Coordinator dan Hygiene Tech 2 yang boleh dimanfaatkan oleh PTj. PTj Boleh menganjurkan kursus yang lebih spesifik untuk kakitangan PTj dengan mengguna kepakaran OSHEC yang sedia ada atau kepakaran luar sekiranya terdapat peruntukan khusus berkaitan KKPAS.

Safety Compliance

19. Apakah SOP penggunaan borang SC?

- Kakitangan boleh merujuk kepada PROSEDUR KERJA PEMATUHAN KESELAMATAN / SAFETY COMPLIANCE (SC) yang boleh diperoleh daripada UM Portal. SC boleh dikeluarkan oleh wakil JKPP Pusat (sekurang-kurangnya dua orang setiap PTj) yang mempunyai kad kuasa yang diberikan oleh OSHEC. Mereka boleh memberikan SC kepada pesalah. Kakitangan lain boleh memberikan maklumat dan bukti yang jelas kepada wakil JKPP Pusat ini untuk tindakan selanjutnya untuk sebarang pelanggaran berkaitan pematuhan KKPAS.

20. Adakah pihak kolej boleh diberikan kad kuasa supaya dapat memberi tindakan Safety Compliance kepada pelajar yang bawa peralatan elektrik secara haram ke kolej?

- Pihak boleh memberikan justifikasi tentang bahaya penggunaan peralatan elektrik di kolej kepada OSHEC untuk menunjukkan risiko yang tinggi kepada keselamatan. Perkara ini boleh dimasukkan dalam salah satu ketidakpatuhan dalam SC dan dimaklumkan kepada pelajar kolej. Kad kuasa boleh diberikan kepada kakitangan kolej secara permohonan kepada pengarah OSHEC.

Standard Operating Procedure (SOP)

21. Apakah best practice untuk pelajar yang menggunakan ruang belajar/studio selepas waktu pejabat?

- OSHEC mencadangkan supaya pelajar yang menggunakan ruang belajar atau studio selepas waktu pejabat dilaksanakan prosedur seperti berikut
 1. Mendaftarkan nama dan tempoh masa penggunaan ruang belajar
 2. Memastikan pelajar mempraktikkan *buddy system* iaitu secara berpasangan (sama jantina)
 3. Tugas yang dilakukan adalah berisiko rendah
 4. Menjalankan penilaian risiko sebelum melaksanakan aktiviti kerja terutamanya melibatkan penggunaan makmal
 5. Terdapat pemantauan dari semasa ke semasa oleh kakitangan

22. Apakah SOP am untuk KKPAS?

- SOP KKPAS boleh diperoleh dan dirujuk di UM Portal dibawah PTj OSHEC. Kakitangan boleh merujuk kepada manual, prosedur dan garis panduan sedia ada yang dikemaskini dari semasa ke semasa untuk sebarang aktiviti atau prosedur pematuhan berkaitan KKPAS.

23. Apakah pendekatan OSHEC untuk memastikan staf PTj mengambil maklum tentang SOP dan program berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di UM?

- SOP KKP boleh diperolehi di UM Portal dibawah PTj OSHEC. Kakitangan boleh merujuk kepada manual, prosedur dan garis panduan sedia ada yang dikemaskini dari semasa ke semasa untuk aktiviti dan pematuhan berkaitan KKPAS. OSHEC sentiasa menambah baik komunikasi dengan semua warga UM menerusi :
 1. Pemakluman emel kepada warga UM (UMinfo), pengurusan PTj dan OSH Champion.
 2. Pemakluman menerusi whatsapp group OSH Champion.
 3. Latihan, taklimat dan penerangan diberikan dari semasa ke semasa.
 4. Mengadakan program Hari Bertemu Pelanggan mengikut PTj.
 5. Menerima maklum balas daripada warga UM menerusi UM Helpdesk, emel, telefon dan media sosial.

JKKP Kecil/Pusat

24. Apakah perbezaan Term of Reference (TOR) bagi Ahli JKKP Kecil dan Ahli JKKP Pusat UM?

- JKKP peringkat Pusat dipengerusikan oleh Pengarah, Pusat Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (OSHEC) Universiti Malaya dan diwakili oleh ahli JKKP Pusat dari setiap PTj. Ahli JKKP Pusat adalah wakil daripada PTj yang dilantik untuk menjadi *intermediator* antara PTj dan pihak OSHEC dalam sistem pengurusan berkaitan perkara KKPAS. Ahli JKKP Pusat yang dilantik juga diwajibkan untuk hadir ke Mesyuarat JKKP Pusat yang dijadualkan setiap tiga bulan sekali oleh pihak OSHEC dan menjadikan platform mesyuarat ini untuk mengemukakan isu KKPAS yang tidak dapat diselesaikan di peringkat JKKP Kecil. JKKP peringkat kecil (PTj) dipengerusikan oleh Ketua PTj, dan Pengerusi dikehendaki untuk melantik Setiausaha, Wakil Pengurusan dan Wakil Pekerja daripada Jabatan / Unit di bawah PTj (*well-represented*). Jika jumlah staf di PTj seramai 100 orang atau kurang, minimum pelantikan adalah dua (2) orang untuk setiap Wakil Pengurusan & Wakil Pekerja. Jika jumlah staf di PTj melebihi 100 orang, minimum pelantikan adalah empat (4) orang untuk setiap Wakil Pengurusan & Wakil Pekerja. JKKP Kecil bertanggungjawab untuk menguruskan sistem pengurusan KKPAS di peringkat PTj masing-masing seperti contoh memastikan pelaksanaan mesyuarat dan pemeriksaan dijalankan mengikut keperluan akta yang ditetapkan.

Keselamatan dan Kebersihan Premis Makanan

- Fasiliti Premis
- Keselamatan AM Premis Makanan
- Jawatankuasa Premis Makanan
- Kebersihan Premis
- Premis Makanan

Fasiliti Premis Makanan

1.Siapakah pihak yang bertanggungjawab untuk pembaikan jika terdapat kerosakan pada fasiliti di premis makanan?

- Pembaikan pada fasiliti premis makanan, tertakluk kepada surat tawaran dan kontrak yang telah dipersetujui oleh pihak JHB, PTj dan pengusaha premis. Adalah penting untuk wakil PTj membuat pemeriksaan awalan sebelum pengusaha memulakan operasi di kafeteria yang sedia ada untuk memastikan fasiliti terbaik berfungsi dan boleh digunakan oleh pengusaha yang akan dilantik.

Keselamatan AM Premis Makanan

2.Bagaimanakah cara untuk tangani masalah atau isu keselamatan dan kebersihan di sekitar kawasan luar kafe seperti gangguan haiwan liar yang boleh menjejaskan kebersihan makanan?

- Berkaitan haiwan liar di dalam kawasan UM, adalah menjadi tanggungjawab pihak Animal Guardians UM untuk menguruskan hal tersebut. Akan tetapi, Pihak OSHEC boleh membantu dalam mempercepatkan proses dan tindakan yang akan diambil oleh pihak berkaitan dengan laporan dan aduan dari pihak pengadu. Dari segi tanggungjawab pengusaha kafe pula perlu memastikan kawasan sekitar kafe sentiasa dalam keadaan bersih dan sisa makanan dibuang kemas di dalam tong sampah yang bertutup supaya tidak mengundang kehadiran haiwan liar di sekitar kafe.

Jawatankuasa Premis Makanan

3. Adakah keahlian bagi JK premis makanan dan JKK Kecil adalah orang yang sama?

- Keahlian bagi JK premis makanan dan JKK Kecil adalah berlainan. JK premis makanan telah ditukar kepada Jawatankuasa Keselamatan Makanan bermula 1 Januari 2025. Pelantikan ahli adalah secara berpusat iaitu OSHEC selaku sekretariat akan melantik wakil-wakil PTj yang dicadangkan oleh PTj. Ahli JKK Kecil pula dilantik oleh ketua PTj masing-masing untuk menjalankan kerja urusan berkaitan KKPAS secara keseluruhan dan pelantikan perlu dimaklumkan kepada pihak OSHEC.

4. Adakah Borang Senarai Semak Kendiri (bulanan) Premis Makanan oleh JK Premis Makanan sama dengan borang yang dibuat pemeriksaan bersama dengan OSHEC?

- Borang pemeriksaan oleh OSHEC dan borang pemeriksaan sendiri adalah berlainan kerana borang pemeriksaan yang digunakan oleh OSHEC lebih terperinci bagi tujuan penggredan. Namun begitu, perkara-perkara di dalam borang pemeriksaan sendiri juga terdapat di dalam borang pemeriksaan OSHEC.

Kebersihan Premis

5. Bagaimanakah dan siapakah yang boleh mengambil tindakan kepada pengusaha kafetaria yang tidak patuh?

- Ahli Jawatankuasa Keselamatan Makanan yang dilantik boleh mengambil tindakan ke atas pengusaha kafe sekiranya terdapat sebarang pelanggaran keselamatan dan kebersihan makanan. Tindakan boleh diambil melalui penguatkuasaan Safety Compliance (SC) yang boleh dikenakan kepada pengusaha kafe. Pengusaha juga boleh diambil tindakan lanjut oleh pihak JHB berdasarkan pelanggaran penjanjian, rekod pelanggaran sedia ada bagi kesalahan berulang dan nama syarikat akan dimasukkan dalam senarai hitam dimana syarikat tidak boleh memohon tender pada masa akan datang di dalam kampus UM.

6. Siapakah yang perlu memantau tahap kebersihan kafe, gred dan menguruskan tender untuk kemasukan kafe baharu?

- Pemantauan tahap kebersihan kafe dan penggredan adalah dipantau oleh OSHEC dengan bantuan ahli Jawatankuasa Keselamatan Makanan. Manakala bagi pengurusan tender, ianya dibawah penyeliaan JHB, Bendahari dan juga PTj masing-masing.

7. Adakah pemeriksaan sendiri premis makanan oleh PTj perlu dilakukan secara bulanan?

- Pemeriksaan sendiri premis makanan oleh PTj perlu dilakukan secara bulanan bagi memastikan tahap kebersihan kafe dan keselamatan makanan dapat sentiasa dikekalkan. Ianya juga sebagai langkah pencegahan bagi mengelakkan berlakunya kes keracunan makanan dan isu-isu lain yang berkaitan.

8. Apakah keperluan perlantikan Ahli Jawatankuasa Premis Makanan (JKPM) untuk setiap PTj dan bagaimanakah cara Holding Sample untuk event yang melibatkan penyediaan makanan?

- Jawatankuasa Premis Makanan telah ditukar kepada Jawatankuasa Keselamatan Makanan bermula 1 Januari 2025. Pelantikan ahli dari setiap PTj perlu bagi membantu dalam proses pemantauan kebersihan dan keselamatan makanan. Bagi prosedur *holding sample*, satu sesi taklimat boleh diatitkan untuk penerangan lanjut dari pihak OSHEC.

9. Adakah pemeriksaan bulanan oleh pihak kolej di kafe masih lagi signifikan atau tidak?

- Masih signifikan kerana pemeriksaan sendiri setiap bulan penting bagi memastikan premis makanan sentiasa dalam keadaan bersih untuk mengelakkan sebarang isu kebersihan dan pencemaran makanan yang boleh menjurus kepada berlakunya kes keracunan makanan.



Premis Makanan

10. Adakah Penguatkuasaan Dasar Larangan Penggunaan Plastik Single Use dan Pengasingan sisa makanan di semua kafeteria premis makanan masih digunapakai? Apakah Penguatkuasaan dan pematuhan penggunaan/penyelenggaraan grease trap di semua kafeteria? Apakah penambahbaikan kriteria (aspek alam sekitar) dalam pemantauan/pembaharuan kontrak kafeteria premis makanan?

- Pelaksanaan Sifar Plastik Sekali Guna di Universiti Malaya berkuatkuasa 1 November 2024 dan turut digunapakai pada premis makanan di dalam kampus. Garis Panduan Pengurusan Perangkap Minyak di Premis Makanan Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) keluaran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan boleh dirujuk bagi penyediaan dan pengurusan perangkap minyak. Pembaharuan kontrak premis makanan adalah diuruskan oleh pihak JHB dan tidak melibatkan OSHEC.

Kesihatan Pekerjaan

- Ergonomik
- Indoor Air Quality (IAQ)
- Keselamatan Biologi
- Keselamatan Bahan Kimia
- Higen Industri
- Kesihatan Awam
- Penyakit Pekerjaan
- Psikososial

Ergonomik

1. Apakah contoh isu ergonomik berkaitan dengan staf yang bekerja di pejabat?

- Isu ergonomik yang berkaitan dengan staf yang bekerja di pejabat biasanya melibatkan faktor-faktor yang boleh menjejaskan kesihatan dan kesejahteraan pekerja akibat susunan kerja, peralatan, dan persekitaran. Pada kebiasaannya yang kerap berlaku melibatkan postur badan tidak betul, penggunaan peralatan yang tidak sesuai di ruang kerja dan kurang pergerakan akibat duduk terlalu lama boleh mengundang kepada timbulnya isu ergonomik.

Indoor Air Quality (IAQ)

2. Bagaimanakah bentuk kawalan masalah pertumbuhan kulat di ruang kerja?

- Sekiranya pertumbuhan kulat dikesan, pelaporan perlu dibuat kepada Unit Teknikal/ Penyelenggaraan di PTj atau kepada JHB berdasarkan status pemilikan lokasi melalui pautan HELPDESK supaya tindakan pembersihan dan penambahbaikan dapat dijalankan.

3. Apakah cara untuk mengelakkan masalah kualiti udara di tempat kerja?

- Cara mengelakkan masalah kualiti udara terjadi di tempat kerja adalah dengan memastikan sistem pengudaraan yang baik, mengawal sumber pencemaran yang berpotensi (asap kenderaan, asap pembakaran, asap rokok dll), memastikan penyelenggaraan sistem penghawa dingin dijalankan mengikut jadual, menyemak dan memastikan kelembapan relatif dan suhu berada dalam julat yang disarankan, menjalankan sesi taklimat/kesedaran kepada pekerja dan menjalankan tindakan segera terhadap sebarang aduan yang diterima.

4. Apakah keperluan pelaksanaan pentaksiran Indoor Air Quality (IAQ)?

- Pelaksanaan pentaksiran IAQ hanya akan dijalankan sekiranya ruang bekerja tersebut dijangkakan tidak lagi sihat dan selamat. Selain itu, pentaksiran juga akan dijalankan sekiranya pekerja di ruang berkenaan telah mula menunjukkan masalah *Sick Building Syndrome* (SBS). SBS adalah satu fenomena atau keadaan di mana penghuni sesebuah bangunan mengalami gejala kesihatan dan ketidakselesaan sepanjang tempoh berada dalam sesuatu bangunan tersebut dan biasanya dikaitkan dengan tempat kerja. Antara gejala yang dialami ialah sakit kepala, pening, mual (perasaan sakit), sakit-sakit badan, keletihan (keletihan yang melampau), sesak nafas atau sesak dada, kerengsaan pada mata, tekak serta kulit (ruam, gatal, kering) dan selsema.

Keselamatan Biologi

5. Apakah maklumat berkenaan permohonan dan pertanyaan berkenaan biosafety application?

- Di UM, permohonan berkaitan *biosafety* terbahagi kepada dua, iaitu penyelidikan melibatkan organisma terubah suai genetik yang diuruskan oleh IBC dan penyelidikan melibatkan bahan biologi berbahaya/berjangkit diuruskan oleh IBBC. Sebarang urusan berkaitan IBC boleh merujuk kepada sekretariat di OSHEC melalui ibc_um@um.edu.my dan urusan berkaitan IBBC boleh merujuk kepada sekretariat IBBC melalui secretariat_ibbc@um.edu.my di Fakulti Perubatan.

Keselamatan Bahan Kimia

6. Apakah keperluan pentaksiran CEM kali kedua yang akan dijalankan oleh Pihak OSHEC selepas pentaksiran kali pertama dijalankan?

- Pentaksiran CEM kali kedua perlu dijalankan bagi mematuhi dan memenuhi Garis Panduan CHRA Edisi Ketiga 2018 berkaitan tahap pendedahan pengguna kepada bahan kimia. Disamping itu penaksiran CEM kali kedua dapat dijadikan rujukan apabila terdapat aduan daripada pekerja berkaitan masalah kesihatan, ketidakpastian data awal, keperluan audit dan sebagai rujukan pemantauan.

7. Apakah keperluan latihan pengurusan kimia & Chemical Hygiene Plan dari OSHC?

- Keperluan latihan pengurusan kimia & Chemical Hygiene Plan (CHP) dari OSHC adalah termasuk dari segi pematuhan peraturan, kesedaran tahap pendedahan bahaya bahan kimia, prosedur pengendalian yang selamat, penggunaan PPE yang sesuai/tepat, pelan tindakan kecemasan, kawalan risiko, dokumentasi dan pelabelan bahan kimia serta penilaian berterusan untuk memastikan pekerja memahami dan mengamalkan langkah keselamatan dengan berkesan.

Higen Industri

8. Apakah keperluan pemantauan keselamatan semasa penggantian LEV/fumehood semasa hujung minggu?

- Pemantauan keselamatan semasa penggantian LEV/Fumehood pada hujung minggu memerlukan kehadiran person incharge di lokasi tersebut untuk pemantauan dan koordinator perlu memastikan kontraktor memohon Permit To Work (PTW) dan mematuhi segala prosedur kerja selamat yang telah ditetapkan semasa kerja dijalankan.

9. Bagaimanakah jika PTj mempunyai dua hood tetapi hanya satu kipas, adakah itu dikira sebagai satu sistem atau dua sistem?

- Jika sesuatu jabatan (PTj) mempunyai dua hood yang disambungkan kepada satu kipas, ia dikira sebagai satu sistem. Ini kerana sistem LEV (Local Exhaust Ventilation) ditakrifkan berdasarkan komponen-komponen yang berfungsi secara keseluruhan termasuk hood, saluran (ducting) dan kipas yang bekerja bersama untuk mengeluarkan bahan cemar.

Kesihatan Awam

10. Apakah Penguatkuasaan polisi larangan merokok di kampus dan cara mengendalikan individu yang melanggar polisi merokok untuk kakitangan, pelawat, pelajar dan kontraktor?

- Penguatkuasaan polisi larangan merokok di kampus melibatkan pendidikan dan kesedaran, penyediaan kawasan merokok yang ditetapkan, pemantauan berkala dan penguatkuasaan yang tegas. Individu yang melanggar polisi larangan merokok ini akan dikenakan tindakan seperti amaran, sesi kaunseling atau tindakan disiplin bergantung kepada status mereka (kakitangan, pelawat, pelajar atau kontraktor). Universiti Malaya juga telah menggariskan Polisi Bebas Tembakau dan Produk Merokok pada tahun 2022 sebagai langkah penguatkuasaan larangan merokok di keseluruhan kawasan kampus UM untuk staf, pelawat, pelajar dan kontraktor.

Penyakit Pekerjaan

11. Apakah ciri-ciri masalah kesihatan pekerja disebabkan isu IAQ yang perlu dirujuk kepada OHD?

- Ciri-ciri masalah kesihatan pekerja disebabkan isu IAQ yang perlu dirujuk kepada OHD termasuk gejala pernafasan (batuk dan sesak nafas), iritasi mata, hidung dan tekak, masalah kulit (dermatitis), sakit kepala, keletihan, reaksi alergik serta peningkatan risiko saluran pernafasan. Pekerja yang mengalami gejala ini perlu dinilai dan diberi tindakan lanjut pemeriksaan oleh OHD jika perlu.

12. Apakah contoh penyakit pekerjaan dan apakah kriteria yang perlu dilaporkan?

- Contoh penyakit pekerjaan termasuk penyakit kulit (dermatitis kontak), kehilangan pendengaran, penyakit musculoskeletal (carpal tunnel syndrome), penyakit kardiovaskular dan penyakit berjangkit yang diperolehi akibat pekerjaan. Kriteria yang perlu dilaporkan termasuk diagnosis yang disahkan oleh doktor, hubungan penyakit dengan pekerjaan, laporan kepada JKKP serta sifat penyakit dan tempoh pendedahan kepada punca penyakit yang disebabkan oleh aktiviti kerja yang dijalankan.

Psikososial

13. Apakah cara pengendalian permasalahan berkenaan rakan sekerja yang tidak memberikan kerjasama dalam urusan kerja?

- Cara pengendalian permasalahan berkenaan rakan sekerja yang tidak memberikan kerjasama termasuk berkomunikasi secara terbuka untuk memahami punca masalah, menggalakkan kerjasama berpasukan, memberikan sokongan atau latihan serta berbincang dengan pengurus atau penyelia jika perlu. Menetapkan tanggungjawab yang jelas terhadap bidang tugas kerja masing-masing untuk mengelakkan percanggahan skop bidang tugas yang sama.

Keselamatan Pekerjaan & Jentera

- Permit to Work (PTW)
- Keselamatan AM
- Standard Operating Procedure (SOP)
- Emergency Response Plan (ERP)
- Prasarana
- Keselamatan Elektrik
- Keselamatan Kebakaran
- Keselamatan Jentera/Mesin

Permit to Work (PTW)

1. Adakah kita boleh mengambil tindakan terhadap kontraktor yang tidak mematuhi SOP kerja dan memakai PPE yang sepatutnya semasa menjalankan kerja-kerja mereka?

- Ya, boleh kerana menjadi tanggungjawab ahli JKKP setiap PTj untuk menjaga keselamatan semua orang di sekeliling projek/kerja yang sedang berjalan. Tindakan yang boleh dibuat adalah memberi amaran lisan seterusnya amaran bertulis menggunakan borang *Safety Compliance (SC)* sebagai rekod untuk tindakan pentadbiran seterusnya. Prosedur penguatkuasaan SC boleh dirujuk di bawah PTj Info OSHEC melalui UMPortal.

2. Jika kerja di bawah 3 meter, adakah perlu memohon permit to work? Dan adakah pihak OSHEC akan membuat pemantauan sekiranya kontraktor datang untuk buat kerja kali pertama? Dan perlukah orang kompeten untuk mengawasi kerja-kerja *scaffolding*? Adakah terdapat garis panduan yang spesifik untuk penggunaan *scaffolding*?

- 3meter kebawah tanah wajib dipantau dengan kehadiran pihak JHB dan OSHEC. Manakala ketinggian scaffold melebihi 3meter perlu ada tagging oleh pihak orang kompeten dan ketinggian melebihi 15meter dikehendaki untuk ada lukisan lakaran scaffold yang diluluskan oleh pihak jurutera.

3. Adakah hazard yang disenaraikan dalam PTW berkaitan dengan aktiviti kerja di UM sahaja ke?

- Ya. didalam UM sahaja.

4. Adakah kerja penyelenggaraan segera memerlukan PTW ataupun tidak?

- Segala kerja penyelenggaraan yang dilakukan di dalam Universiti Malaya adalah wajib memerlukan PTW. Sekiranya sebarang kecelakaan yang berlaku semasa kerja-kerja penyelenggaraan tidak mempunyai PTW, pihak OSHEC tidak akan bertanggungjawab.

Keselamatan AM

5. Bagaimanakah cara untuk memantau orang keluar masuk di PTj untuk mengelakkan sebarang isu keselamatan?

- Memasang CCTV pada tempat yang strategik.
- Mewujudkan buku log pelawat dan menguatkuasakan penggunaan buku log untuk setiap pelawat yang keluar masuk di PTj untuk rekod kehadiran dalaman sekiranya sebarang insiden atau kejadian berlaku .

Standard Operating Procedure (SOP)

6. Apakah keperluan dari segi lesen atau permit dan kompetensi untuk menggunakan staging bagi kerja-kerja penyelenggaraan di kolej?

- Tiada lesen kontraktor diperlukan. Kontraktor perlu berdaftar dengan pihak JHB dan jika sekiranya kerja penyelenggaraan melebihi 3 meter perlu ada tagging kompetensi *inspector staging*.

Emergency Respond Plan (ERP)

7. Adakah penyelarasan boleh dibuat untuk melihat keperluan dari segi berapa banyak dan jenis apa Alat Pemadam Api (APA) untuk diletakkan dalam satu kawasan? Dan siapa (pengguna atau kontraktor) yang akan tentukan dari segi keperluan tersebut?

- Perlu merujuk kepada pihak JHB. Semua keperluan dan kedudukan telah direkodkan sebelum kelulusan CCC oleh Bomba.

8. Apakah perbezaan Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK) dan Emergency Response Team (ERT)?

- OKK = Pasukan mengurus pencegahan & keselamatan kebakaran
- ERT = Pasukan tindak balas semasa sebarang insiden kecemasan (kebakaran, kemalangan, tumpahan bahan kimia, kecemasan perubatan dll.)

9. Apakah tindakan pasukan ERT apabila berlaku sebarang kecemasan di fakulti?

- Memaklumkan dengan segera kepada komander kecemasan yang mengetuai pasukan supaya pasukan dan pelan tindakan kecemasan dapat diaktifkan. Setiap ahli ERT akan bertanggungjawab untuk berfungsi menjalankan peranan masing-masing yang telah dikhususkan.

10. Apa prosedur untuk melaksanakan latihan kebakaran dan fire drill di PTj?

1. Melantik Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK) di peringkat PTj.
2. Dapatkan dan lengkapkan Borang Permohonan Latihan Kebakaran / Pengungsian.
3. Hantar borang permohonan kepada OSHEC
4. OSHEC akan menyelaraskan kehadiran pihak Jabatan Bomba dan memberi sokongan teknikal.
5. Latihan dijalankan pada tarikh yang telah dipersetujui.

11. Apakah saranan latihan berkaitan daripada pihak OSHEC untuk Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) di PTj.

- Semua ahli ERT/OKK perlu menjalani kursus Organisasi Keselamatan Kebakaran yang diselenggarakan oleh OSHEC bersama pihak Bomba.

Keselamatan Kebakaran

12. Apakah prosedur semakan semula kesesuaian jenis Alat Pemadam Api (APA) sedia ada di PTj (terdapat ruang pejabat yang hanya mempunyai APA jenis ABC). Siapakah orang yang terlatih boleh membuat semakan kesesuaian APA di lokasi dan Fire Certificate (FC) untuk bangunan baru dan sedia ada?

- Semakan semula kesesuaian jenis APA perlu dirujuk kepada JHB. FC adalah dikehendaki untuk premis yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan sahaja.

13. Adakah almari yang diletakkan peralatan PPE kebakaran seperti di canseleri itu diwajibkan untuk ada di semua PTj?

- Tidak diwajibkan, namun sangat digalakkan untuk setiap PTj menyediakan almari atau ruang khas menyimpan peralatan *Personal Protective Equipment* (PPE) kebakaran, terutamanya di lokasi berisiko atau berpenghuni tinggi.

14. Adakah pihak PTj boleh berhubung terus dengan pihak bomba untuk mengadakan latihan kebakaran tanpa melalui OSHEC?

- Tidak boleh. Perlu memaklumkan pihak OSHEC untuk penyelarasan.

Prasarana

15. Bagaimakah Universiti memastikan keselamatan warga UM berkenaan isu pokok tumbang, tanah mendap dan juga banjir?

- Pemeriksaan berkala mengenai status pokok oleh JHB (Aboris). Tanah mendap juga adalah peranan JHB dan dibantu dengan maklumat/laporan yang diberi oleh PTj semasa JSW dijalankan.

Keselamatan Elektrik

16. Boleh atau tidak jika staf kolej sendiri yang membuat pemeriksaan DB jika terdapat keperluan segera?

- Staff yang berkelayakan sahaja yang boleh menjalankan pemeriksaan berkenaan. J29 (elektrikal) dan keatas.

17. Bagaimanakah cara untuk mendapatkan khidmat semakan keadaan pendawaian elektrik di PTj? Adakah pihak OSH akan menyediakan eksesaiss atau latihan untuk menilai pendawaian elektrik?

- Perlu menjemput pihak JHB secara rasmi untuk tujuan menjalankan eksesaiss berkenaan. OSHEC tidak menjalankan eksesaiss pendawaian berkenaan dan hanya boleh memberi sebarang cadangan atau pengesyoran berkaitan keselamatan semasa kerja dijalankan.

Keselamatan Jentera/Mesin

18. Apakah jenis mesin kompresor yang memerlukan PMT?

- Tekanan kompresor melebihi 15psi perlu mempunyai Sijil Perakuan Kelayakan (CF) yang berdaftar dengan pihak JKKP.



Pengurusan Alam Sekitar

- Buangan Terjadual (BT)
- *Effluent Industry*
- Pengendalian Simpanan BT

Buangan Terjadual (BT)

1. Apakah polisi/garis panduan pembuangan sisa buangan terjadual (BT) daripada aktiviti gotong royong/penyelenggaraan/renovasi/pembangunan baru (tong cat, lampu, dsb.)

- PTj perlu melaporkan aktiviti gotong royong kepada pihak JHB supaya Buangan Terjadual (BT) yang dihasilkan semasa aktiviti gotong royong dapat dilupuskan mengikut prosedur yang betul. Sebagai contoh, sisa buangan daripada gotong-royong kebanyakannya melibatkan tong cat dan lampu kalimantan. Tong cat dan lampu kalimantan merupakan salah satu BT yang perlu dilupuskan mengikut Prosedur Pelupusan BT. PTj boleh merujuk kepada prosedur berkaitan di UMPortal seperti di bawah: UMPortal - PTj Info - Pusat Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan Dan Alam Sekitar - SOP Pengurusan Buangan Terjadual (BT)

2. Apakah prosedur untuk menbuang sisa kimia seperti *Ethidium Bromide*, *Acrylamide* bentuk pepejal dan cecair?

- Sisa kimia adalah salah satu yang dikategorikan sebagai buangan terjadual (BT) yang biasa dijana di peringkat PTj terutama PTj yang berasaskan Sains dan Teknologi. Pembungkusan dan penyimpanan BT perlu dirujuk pada SDS dan dilupuskan pada tarikh yang ditetapkan oleh JHB mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Prosedur pelupusan BT boleh dirujuk seperti rujukan di bawah:
- UMPortal - PTj Info - Pusat Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan Dan Alam Sekitar - SOP Pengurusan Buangan Terjadual (BT).

3. Apakah solusi bagi isu pembaziran bahan kimia di peringkat PTj?

1. Melaksanakan *chemical register* secara berpusat dari PTj dan mohon kerjasama daripada pensyarah dan penyelidik untuk merekodkan pembelian bahan-bahan kimia dalam *registry* tersebut.
2. Melakukan kawalan pada pembelian baharu dan membuat *record tracing* bagi setiap item yang dibeli.
3. Menjalankan penjimatan melalui perkongsian penggunaan bahan kimia antara PTj.
4. Mengemaskini *chemical register* yang sedia ada supaya dapat mengenalpasti bahan kimia yang masih tidak digunakan di PTj.

Effluen Industri

4. Apakah status *taskforce* untuk pengurusan *effluen industry* yang terkini?

- Pelantikan Pengerusi *Task Force Effluent Industry* yang baru telah dilaksanakan dan akan melaksanakan mesyuarat pertama pada Jun 2025 .
- Perancangan kerja adalah seperti berikut:
 1. Mengenalpasti lokasi pelepasan utama UM ke sistem parit utama.
 2. Mengkaji kadar pencemaran air semasa UM untuk menentukan hala tuju strategi *Task Force* sama ada tindakan selanjutnya diperlukan
 3. Mengenalpasti punca pelepasan mengikut PTj sekiranya kadar pencemaran di kadar yang merisaukan.
 4. Menjalankan tindakan pembetulan kepada punca pencemaran sama ada dari tindakan pengurusan atau kawalan kejuruteraan.

Pengendalian Simpanan BT

5. Bagaimanakah pengurusan tempat penyimpanan buangan terjadual (BT) yang sesuai kerana tempat simpanan sedia ada berdekatan dengan pencawang elektrik?

- PTj perlu menjalankan pentaksiran risiko terlebih dahulu di lokasi penyimpanan BT yang dicadangkan. Sekiranya penilaian didapati tidak bersesuaian, PTj perlu mengambil langkah selanjutnya untuk mencari lokasi baharu. Jika lokasi sedia ada tidak bersesuaian kerana berisiko tinggi disebabkan hazard elektrik dan tiada ruang baharu yang bersesuaian, staf yang bertanggungjawab untuk menyelia stor berkenaan dikehendaki untuk menjalani latihan pengurusan BT dan keselamatan elektrik supaya langkah kawalan dapat diambil dengan sewajarnya untuk mengurangkan risiko kemalangan atau kejadian berbahaya di stor tersebut.